



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	9/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JPNP			

Perasuah patut 'ditumbangkan' dulu, bukan pokok durian

KUANTAN - Pemberi dan penerima rasuah patut 'ditumbangkan' terlebih dahulu, bukan pokok durian musang king yang sedang berbuah dan menunggu gugur.

Ketua Persatuan Pencinta Alam Pahang, Noor Jehan Abu Bakar berkata, mereka ini dalang dalam 'menghalalkan' penerokaan dan pencerobohan tanah di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) di negeri ini.



NOOR JEHAN

Menurutnya, sikap 'membutakan' mata terhadap amalan rasuah adalah antara punca penerokaan tanah haram di Pahang termasuk pembukaan kebun durian musang king di Raub lebih 20 tahun lalu.

"Penguatkuasaan yang dilakukan ini disifatkan secara satu lapisan sahaja sedangkan masalah ini berlaku lebih daripada apa yang digambarkan.

"Pasti ada individu atau pihak yang sudah bertahun-tahun menerima sogokan dan bayaran untuk menghalalkan penerokaan dan penanaman pokok-pokok durian di kawasan berkenaan.

"Jadi, mereka (pemberi dan perasuah) juga patut dihukum untuk dijadikan teladan kepada masyarakat," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Noor Jehan berkata, tidak adil hukuman hanya dikenakan kepada pekebun durian haram tanpa menghukum penerima-penerima sogokan terbabit.

"Kalau begitu kaedahnya ia akan menyuburkan lagi masalah rasuah kerana yang dihukum hanya pekebun iaitu pemberi tetapi yang menerimanya (rasuah) aman daripada sebarang tindakan," tegasnya yang turut mendesak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) segera menjalankan ziasatan.

Sehubungan itu, Noor Jehan berkata, penguatkuasaan ini dilihat sebagai satu permulaan kepada usaha yang baik dan diharapkan ia dilaksanakan secara menyeluruh.